

**Skim kebajikan diperkenal JKM perlu dikaji semula**

PENGUMUMAN Perdana Menteri mengenai dana RM1.4 bilion untuk membantu golongan miskin dan kurang bernasib baik menerusi Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia atau KARISMA, selaras pembentukan Masyarakat Penyayang iaitu salah satu daripada sembilan cabaran Wawasan 2020. Dana yang dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 500,000 orang ini diharapkan dapat membantu merealisasikan konsep masyarakat penyayang. Golongan warga tua, orang kurang upaya, kanak-kanak dan ibu tunggal termasuk balu anggota polis dan tentera layak mendapatkan bantuan. Menerusi Program KARISMA, RM332 juta diperuntukkan kepada orang kurang upaya, RM290 untuk kanak-kanak kurang bernasib baik, RM455 juta (warga tua), RM4.1 juta (balu polis dan tentera) serta RM303 juta untuk membiayai program berasaskan komuniti. Bantuan kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik dapat meringankan beban mereka memandangkan keadaan ekonomi serta kos sara hidup yang tinggi. Jika tiada bantuan kewangan, hidup mereka akan lebih menderita. Golongan miskin dan kurang bernasib baik mewakili sekumpulan besar masyarakat dan mereka perlu diberi bantuan kewangan demi keadilan sosial. Dana RM1.4 bilion untuk membantu mereka sangat dialu-alukan. Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji semula pelbagai skim kebajikan yang diperkenalkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk warga tua, ibu tunggal termasuk kanak-kanak bawah umur daripada keluarga miskin supaya mereka dapat menerima peruntukan bulanan lebih tinggi bagi menampung keperluan mereka.

TAN SRI LEE LAM THYE, Pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia.

**Projek tepi Sungai Klang dibeku**

PUTRAJAYA: Kerajaan mengarahkan semua transaksi membabitkan tanah miliknya di sepanjang atau berhampiran Sungai Klang di pusat bandar dibekukan sehingga usaha membersihkan dan mencantikkan sungai berkenaan selesai dilakukan dalam usaha meningkatkan nilai hartanah kawasan persekitaran. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail, berkata pendekatan mewujudkan sungai lebih cantik bertujuan memberi nilai tambah dan menjadikannya sebahagian tarikan apabila memasarkan tapak yang ditawarkan. "Buat masa sekarang, semua pembangunan berhampiran Sungai Klang dibekukan sehingga kita membersihkannya. Saya jangka tanah di kawasan ini akan mula ditawarkan untuk pembangunan apabila Fasa 1 projek 'River of Life' atau 'Sungai Nadi Kehidupan' selesai. "Kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi projek mencantikkan sungai ini tetapi kos keseluruhan belum dapat dipastikan buat masa sekarang. Selain itu, kerajaan turut menyediakan dana RM3 bilion untuk pembersihan sungai. "Tanah semakin berkurangan di ibu negara tetapi banyak pemaju berminat membangunkannya, terutama tanah berhampiran sungai," katanya semalam. Projek pembersihan sungai itu adalah sebahagian daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dijangka bermula awal tahun depan membabitkan pembersihan jajaran Sungai Klang sepanjang 110 kilometer (km) dan mencantikkan kawasan tepi sungai sepanjang 1.7 km di tengah ibu negara. Kerja membersihkan dan mencantikkan sungai kata Ahmad Fuad, tanah kerajaan di lokasi terpilih sepanjang 10 km sungai berkenaan akan dibangunkan sebagai hartanah komersial atau perumahan. Namun, katanya, tidak semua kawasan terbabit boleh dibangunkan kerana terikat kepada syarat zon yang ditetapkan iaitu sama ada lot tanah tertentu sudah diwartakan untuk tujuan khusus atau ditakrifkan sebagai tanah rizab.

Katanya, rakan kongsi penyampai (PDP) bagi projek 'Sungai Nadi Kehidupan' akan diberi imbuhan untuk mengurus dan mendapatkan pembeli bagi tanah milik kerajaan di sepanjang Sungai Klang apabila projek Fasa 1 itu selesai. Difahamkan, kerajaan sudah mengeluarkan surat hasrat menyokong usaha sama antara Ekovest Bhd dan Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) untuk bertindak selaku PDP selama tiga tahun bagi projek pengindahan sungai itu. "Sebagai imbuhan, selepas kita membersihkan dan mencantikkan keseluruhan kawasan ini sehingga nilainya bertambah, PDP akan menerima dua peratus daripada nilai transaksi tanah apabila ia berjaya mendapatkan pembeli. "Prosedurnya lebih kurang sama seperti bayaran kepada ejen hartanah. Bagaimanapun, ini bergantung kepada bila kerajaan memutuskan untuk menjual. "Imbuhan ini ganjaran kepada PDP untuk menyelaras kerja pembersihan dan mencantikkan sungai. Selain itu, PDP juga akan menerima bayaran berdasarkan peratusan tertentu daripada kos keseluruhan projek yang akan dilaksanakan kelak," katanya.



Selasa, 6 September, 2011

### **PDRM teruskan pembinaan muzium dekat tapak lama**

MUAR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan meneruskan pembinaan Muzium Polis Bukit Kepong yang sebelum ini tertangguh beberapa kali berikutan lokasinya terletak di tepi tebing Sungai Muar yang terdedah kepada banjir. Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Khalid Abu Bakar, berkata projek pembinaan muzium itu akan diteruskan di lokasi baru yang terletak berhampiran tebing Sungai Muar, tidak jauh dari tempat asalnya. Beliau berkata, pihaknya kini dalam proses perancangan pembinaan muzium itu yang akan dijalankan dalam tempoh terdekat. "Kita akan teruskan (pembinaan muzium) dan sudah dapat peruntukan, kini dalam proses perancangan membangunkan Muzium Bukit Kepong tidak jauh daripada tapak lama," katanya kepada pemberita selepas lawatan ke lapangan Ops Sikap Ke-24 dan Kempen Rumah Selamat 2011, di Kawasan Rehat dan Rawat Pagoh, dekat sini. Sebelum ini, pada 21 Jun tahun lalu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop dalam Dewan Rakyat, memaklumkan pembinaan Muzium Polis Bukit Kepong tidak diteruskan dengan alasan kawasan itu terdedah ancaman banjir dan kos RM8 juta diperlukan untuk menambak tinggi kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, pengumuman itu mendapat bantahan pelbagai pihak termasuk penduduk Bukit Kepong berikutan pembinaan muzium dirancang sejak 2005 iaitu sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) sebelum diluluskan dalam RMK-9 bagi mempamerkan artifak asal sejarah dan bangunan asal balai polis yang diserang komunis sehingga menyebabkan ramai anggota polis terbunuh. Peristiwa serangan komunis di Bukit Kepong itu menjadi isu selepas Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu ketika berceramah di Tasek Gelugor, Pulau Pinang pada 21 Ogos lalu, didakwa mengeluarkan kenyataan penganas komunis yang menyerang dan membunuh 25 anggota polis dan keluarga mereka dalam peristiwa Bukit Kepong adalah hero sebenar dalam perjuangan kemerdekaan negara. Khalid berkata, lokasi baru muzium itu terletak di atas tebing tidak jauh daripada tapak asal Balai Polis Bukit Kepong dan perubahan itu dibuat bagi mengelak masalah banjir. Selain itu, beliau turut mempelawa Mohamad Sabu atau lebih dikenali sebagai Mat Sabu melawat Balai Polis Bukit Kepong yang menjadi mangsa serangan komunis pada 23 Februari 1950 lalu.

**Jejantas 'projek gajah putih'**

KUALA LUMPUR: Jejantas bernilai RM1 juta yang siap dibina berhampiran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai dan Pangsapuri Permai di Kilometer 8.3 Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA) di sini, pada Jun lalu seperti gajah putih kerana tidak digunakan penduduk, sebaliknya mereka lebih rela membahayakan diri melintas enam lorong lebuhraya berkenaan untuk ke seberang jalan setiap hari. Dua tahun lalu, keadaan berbeza kerana penduduk di kawasan perumahan terbabit mendesak kerajaan menyediakan kemudahan itu kerana bimbang dengan keselamatan mereka terutama pelajar yang terpaksa menyeberangi lebuhraya berkenaan untuk ke sekolah mereka atau ke pekan Sungai Besi dan Stesen LRT. Pembantu stor, Ahmad Syukran Mohd Yusuff, 32, berkata setiap hari beliau menunggu bas di perhentian berdekatan jejantas itu untuk ke pejabat dan dapat menyaksikan ramai penduduk tidak menggunakan kemudahan yang disediakan kerajaan itu. Beliau berkata, dulu mereka desak kerajaan bina jejantas, tetapi selepas siap mereka tidak menggunakan kemudahan itu, sebaliknya sanggup membahayakan diri dengan melintas enam lorong lebuhraya berkenaan.

"Macam-macam alasan mereka buat. Mula-mula beri alasan jejantas sedia ada dibina terlalu jauh iaitu kira-kira 500 meter dari penempatan mereka dan kemudian mendesak kerajaan membina jejantas baru di kawasan lebih dekat. "Selepas jejantas baru siap dibina, masih ramai yang seolah-olah tidak menyedari kewujudan jejantas itu," katanya kepada Sentral, semalam. Tinjauan Sentral semalam mendapati sekumpulan remaja sanggup membahayakan diri dengan melintas lebuhraya berkenaan tanpa menghiraukan kenderaan yang bertali arus walaupun jejantas yang disediakan berada hanya beberapa meter dari tempat mereka melintas. Seorang pelajar sekolah yang enggan dikenali berkata, beliau tidak menggunakan jejantas itu kerana tidak mahu kepenatan mendaki tangga kerana selepas itu perlu berjalan jauh untuk ke Stesen LRT Sungai Besi. "Penatlah nak daki tangga dengan membawa beg sekolah yang berat setiap hari, saya dan rakan akan menunggu masa yang sesuai sebelum melintas jalan raya yang sibuk ini.

"Setakat ini faktor keselamatan masih terjaga walaupun pernah beberapa kali ternampak penduduk yang hampir dilanggar akibat tidak menggunakan jejantas," katanya. Pada September 2009, Sentral melaporkan kesusahan ratusan penduduk terutama pelajar sekolah terpaksa menggadai nyawa dengan melintas BESRAYA semata-mata untuk mendapatkan khidmat pengangkutan awam dan ke sekolah di seberang jalan sejak penempatan dibuka pada 2004. Konflik berterusan apabila jejantas yang sepatutnya siap pada Jun 2010 terpaksa ditangguhkan berikutan kegagalan kontraktor menyiapkannya. Berikutan itu, tender kali ketiga terpaksa dibuat untuk melantik kontraktor dan akhirnya pada Jun tahun ini jejantas itu siap dibina sebelum dirasmikan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Datuk M Saravanan.

**Ambilalih 9 lot tanah ditangguh**

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi semalam, melanjutkan perintah penggantungan sementara bagi pengambilan sembilan lot tanah bernilai lebih RM50 juta di kawasan Bukit Bintang oleh kerajaan bagi pembangunan Projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang Jajaran Sungai Buloh-Kajang (MRT). Hakim Abang Iskandar Abang Hashim yang membuat keputusan itu dalam kamar beliau, turut menangguhkan kepada 15 September depan bagi keputusan permohonan kebenaran untuk semakan kehakiman dikemukakan dua pemilik tanah berdaftar dan tiga syarikat berhubung pengambilan tanah terbabit. Peguam Su Tiang Joo yang mewakili kelima-lima pemohon ketika ditemui berkata, hakim menangguhkan keputusannya kerana beliau masih memerlukan masa sekali gus pengambilan tanah yang dijadualkan pada 9, 13 dan 14 September ini ditangguhkan sementara sehingga keputusan kebenaran semakan kehakiman itu dibuat. Permohonan berkenaan difailkan dua pemilik tanah berdaftar, LTS Resources Holdings (M) Sdn Bhd dan Pedoman Cekap Sdn Bhd dan tiga syarikat iaitu T S Law Corporation serta dua anak syarikat, LTS Properties (M) Sdn Bhd dan LTS Capital Sdn Bhd pada 5 Ogos lalu. Dalam permohonan itu, pemohon menamakan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, kerajaan Malaysia, dan Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai responden. Mereka antara lain memohon perintah bagi membatalkan kelulusan responden bagi pengambilan tanah mengikut Seksyen 3E(1) Akta Pengambilan Tanah 1960. Pemohon menyatakan oleh kerana projek MRT dicadangkan untuk beroperasi di bawah tanah, maka tiada keperluan untuk mengambil mana-mana bahagian di permukaan tanah berkenaan.

**Bantah cukai naik**

BATANG KALI: Penduduk Taman Desa Alamria, dekat sini, membantah tindakan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menaikkan kadar cukai taksiran sehingga sembilan peratus, baru-baru ini kerana langkah itu membebankan mereka. Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Desa Alamria, Alpian Mohd Nor, 42, berkata kenaikan kadar cukai itu terlalu tinggi berbanding dengan kawasan dan daerah lain di negeri ini. "Majoriti penduduk tidak bersetuju dengan kenaikan cukai taksiran ini kerana membebankan mereka. "Kadar sehingga sembilan peratus setahun amat tinggi dan jika tidak dijelaskan denda yang dikenakan juga tinggi berbanding tahun sebelumnya," katanya kepada Sentral di sini, semalam. Alpian berkata, kadar cukai taksiran itu dikenakan mengikut kategori rumah dan beliau difahamkan ia bergantung kepada bahan binaan serta panjang rumah. Katanya, pada 18 Mei lalu, penduduk ada menerima notis daripada MDHS yang antara lain menetapkan nilai tahunan baru dengan kadar peratus dan nilai cukai yang sangat tinggi. Beliau berkata, notis itu turut memberi peluang kepada penduduk kampung berkenaan untuk mengemukakan bantahan sekiranya tidak bersetuju dengan kadar ditetapkan sebelum 31 Ogos lalu.

Bagaimanapun, katanya bantahan yang dikemukakan penduduk pada 29 Mei lalu ditolak dan kadar itu kekal pada sembilan peratus setahun. Desa Alamria mempunyai tiga kategori rumah dengan harga yang berbeza mengikut saiz dan reka bentuk rumah. "Bagi kategori A, harga seunit rumah ialah RM138,000 dengan cukai setahun berjumlah RM315, kategori B RM98,000 dengan cukai setahun RM280, sementara kategori C, RM52,000 dengan cukai setahun RM189 yang kesemua nilai itu ditetapkan setelah dikenakan kadar sembilan peratus," katanya.

Sementara itu, timbalannya, Amirudin Abdul Hamid, 45, berkata, jawatankuasa penduduk pernah dibawa ke sesi mendengar bantahan ke atas Notis Pindaan Cukai Taksiran Bagi Harta di pejabat MDHS pada 5 Julai lalu, namun keputusan tetap pada kadar yang tinggi. "Keputusan itu tidak menepati konsep negeri berkeadilan yang dilaungkan kerajaan negeri. "Kami menggesa supaya kadar itu diturunkan kepada enam peratus yang selaras dengan kawasan-kawasan lain di negeri ini," katanya. Amirudin berkata, sekiranya perkara itu tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah, jawatankuasa penduduk akan meminta campur tangan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim. Seorang penduduk, Siti Fatimah Endok, 45, berkata kadar cukai yang membebankan penduduk adalah tidak wajar dinaikkan secara mendadak memandangkan ramai yang tidak mampu membayarnya. Sehubungan itu, beliau merayu agar MDHS mengambil serius pandangan pembayar cukai demi manfaat bersama.



Khamis, 8 September, 2011

### **Zaki nafi akan dibayar ganjaran RM2 juta**

KUALA LUMPUR: Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi berkata, kehadiran Datuk Seri Najib Razak pada Persidangan Tahunan Majlis Hakim-Hakim 2011 semalam, tidak akan menjejaskan kebebasan dan integriti badan kehakiman, selain menafikan beliau akan dibayar ganjaran RM2 juta. Katanya, Perdana Menteri selaku ketua kerajaan berhak berdialog dengan pihaknya untuk mendapatkan maklumat mengenai perbelanjaan badan kehakiman, selepas kerajaan memperuntukkan belanjawan besar kepada badan berkenaan. "Adakah kita akan dipengaruhi jika minum teh sambil berdialog bersama Najib petang ini (semalam), selain dakwaan (bekas Presiden Majlis Peguam) Ragunath (Kesavan) mengenai sesi bergambar saya dengan Perdana Menteri menjejaskan kebebasan kehakiman. Apakah salah saya bergambar dengan Perdana Menteri setiap kali ke Istana Kehakiman. "Secara jujur, pertemuan ini jemputan daripada hakim kerana mahu membangkitkan pelbagai isu seperti gaji, keadilan, protokol atau sebarang persepsi buruk terhadap kami. Selain itu, kerajaan juga mempunyai akauntabiliti yang bertanggungjawab terhadap badan kehakiman di Parlimen.

"Kita mengadakan pertemuan ini secara terbuka dengan 130 hakim dan pegawai, malah pihak media juga berada di sana... jadi apa mahu dirahsiakan dan salahnya, " katanya pada sidang media selepas Persidangan Tahunan Majlis Hakim-Hakim Malaysia 2011 di sini, semalam. Hadir sama, Hakim Besar Malaya, Tan Sri Arifin Zakaria dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Richard Malanjum. Zaki akan bersara pada 12 September ini dan diganti oleh Arifin. Mengulas mengenai pembayaran ganjaran oleh kerajaan, Zaki berkata, beliau tidak memerlukan duit berkenaan dan bersyukur kepada Tuhan kerana diberi rezeki secukupnya. "Ia penghinaan kepada saya. Jika saya Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat, saya sudah menerima lebih daripada RM2 juta dalam bentuk bonus," katanya. Pada sidang media itu, Zaki turut membacakan laporan Bank Dunia dikeluarkan dua hari lalu (kelmarin) yang mengakui keberkesanan sistem kehakiman di Malaysia dan boleh dicontohi negara lain terutama dalam mengurangkan kes tertunggak. "Mereka yang mahu melakukan pembaharuan, model (kehakiman) Malaysia adalah tidak radikal. Berkeupayaan mengikut amalan terbaik ialah sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh kebanyakan negara. Laporan penuh ini boleh dilihat di laman web Jabatan Kehakiman mulai petang semalam," katanya.

**Bantuan wang ihsan banjir ringankan beban pesawah**

SETIAP kali banjir melanda akhir tahun di negeri ini, Hassan Mamat, 59, sentiasa dirundung malang, apabila padi yang ditanam di kawasan seluas kira-kira dua hektar musnah ditenggelami air, mengakibatkannya kerugian besar. Beliau yang bergantung sepenuhnya kepada penanaman padi adalah antara 2,592 petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang terpaksa menanggung kerugian besar apabila bencana alam itu melanda kawasan penanaman mereka. Memandangkan petani terbabit adalah antara penyumbang utama terhadap bekalan beras negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil inisiatif dengan memberikan bantuan wang ihsan banjir, membabitkan kos RM3.46 juta baru-baru ini. Hassan yang sebelum ini tidak pernah menerima sebarang bantuan kewangan seperti itu, melahirkan rasa bersyukur kerana kementerian menghulurkan bantuan kewangan bagi meringankan beban yang ditanggungnya. "Sepanjang menjadi petani sejak 1970-an lagi, setiap kali banjir melanda, hasil (padi) akan rosak ditenggelami air banjir dan tiada pihak yang datang memberi bantuan kewangan bagi meringankan beban. "Pemberian bantuan wang ihsan banjir ini adalah rezeki kepada petani yang terbabit dalam banjir dan saya bersyukur menerimanya kerana ia dapat meringankan beban membeli keperluan keluarga," katanya ketika menerima wang ihsan pada majlis yang disempurnakan Menteri Pertanian Asas Tani dan Industri, Datuk Seri Noh Omar, di Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK), Peringkat, Kelantan, baru-baru ini.

Bencana banjir yang melanda negeri ini akhir tahun lalu dan awal tahun ini menyebabkan 5,456 hektar sawah padi dalam kawasan KADA musnah akibat ditenggelami air, menyebabkan kerugian kepada 2,592 petani. Noh berkata, sepatutnya wang ihsan ini diberikan kerajaan negeri kerana banjir yang melanda kawasan penanaman padi di kawasan KADA tidak diklasifikasikan sebagai bencana seperti yang berlaku di Kedah. "Berdasarkan kepada keadaan ini, kerajaan negeri seharusnya menyediakan bantuan kewangan kepada petani terbabit, namun sejak 2008 tiada sebarang inisiatif diberikan untuk meringankan beban mereka," katanya. Bantuan ihsan ini membabitkan dua kategori iaitu tanaman padi masak yang belum sempat dituai diberikan RM1,800 sehektar, manakala untuk kerugian tanaman padi yang baru ditanam menerima RM360 sehektar. Untuk kategori tanaman padi yang baru ditanam, jumlah bantuan yang diperuntukkan ialah sebanyak RM1.6 juta dengan membabitkan seramai 2,145 petani di kawasan sawah seluas 4,418 hektar. Bagi tanaman padi masak yang rosak, bantuan yang dikeluarkan lebih RM1.86 juta dengan keluasan sawah musnah seluas 1,038 hektar, membabitkan 447 petani terutama di jajahan Pasir Mas dan Tumpat.

**Rakyat mula terima kesan baik inisiatif ETP**

KUALA LUMPUR: Sebanyak 84 peratus daripada inisiatif Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang sudah diumumkan kerajaan sedang dilaksanakan dengan kebanyakannya memberikan kesan positif kepada rakyat. Sejak dilancarkan Oktober tahun lalu, 87 inisiatif diumumkan dengan 23 daripadanya siap beroperasi, 50 sudah bermula, manakala 14 lagi dalam peringkat kerja. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau gembira Projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang dilancarkan pada Januari lalu sudah mengubah kehidupan 237 pekedai di seluruh negara sehingga kini. Beliau berkata, projek itu berjaya membantu memperkembangkan perniagaan dan memberi impak amat besar kepada pekedai kecil bagi menambah pendapatan kedai dan kebebasan kewangan.

"Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Perkhidmatan Perniagaan yang aspirasinya untuk menjadikan Malaysia pusat data bertaraf antarabangsa juga menunjukkan perkembangan positif dengan Pusat Data CSF di Putrajaya dijangka siap suku terakhir tahun ini dan dibuka secara rasmi pada 9 Januari depan. "Perkongsiannya antara Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian (MARDI), Infoculture Sdn Bhd dan Sime Darby melalui projek penanaman padi yang diumumkan Mac lalu menyaksikan 33 petani menerima pulangan lebih baik pada tuaian pertama," katanya di sini, semalam. Selain itu, Najib berkata, QAV Technologies Sdn Bhd yang melabur RM12 juta untuk membangunkan pusat pensijilan diod pemancar cahaya dan lampu pepejal di Pulau Pinang kini dalam proses pemasangan peralatan dan beroperasi menjelang akhir tahun ini. Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala percaya semua projek ETP dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual. "Berita baik ialah kedudukan daya saing negara bertambah baik dan berada di tempat ke-21 mengikut Laporan Daya Saing Global 2011," katanya.



Jumaat, 9 September, 2011

### **Sistem ke arah ekonomi rendah karbon**

KUALA LUMPUR: Kerajaan bakal melancarkan Sistem Penilaian dan Kerangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) yang berperanan membantu majlis tempatan, perancang bandar serta pemaju untuk merangka pelan tindakan mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida di Malaysia. Usaha itu antara lain akan mengukur pelepasan karbon asas di bandar bagi membangunkan strategi serta langkah penyelesaian secara khusus, di mana Putrajaya dan Cyberjaya bakal dibangunkan sebagai contoh bandar mesra alam sebelum diperluaskan ke bandar lain di seluruh negara. Pelancaran LCCF yang bakal disempurnakan Datuk Seri Najib Razak, bertujuan menggerakkan peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon dan memastikan negara mencapai matlamat mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida sehingga 40 peratus menjelang 2020.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sedang menggembeng tenaga dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan keberkesanan kerangka kerja itu serta Garis Panduan Kejiranan Hijau yang digunakan oleh majlis tempatan. "Saya menyeru sektor swasta memanfaatkan kesempatan untuk turut terbabit dalam usaha ini. Bagaimana bidang perniagaan boleh membantu peralihan negara ke arah ekonomi hijau? Tahun lalu, kerajaan memperkenalkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau untuk membantu syarikat mengguna dan menghasilkan teknologi hijau," katanya ketika melancarkan Persidangan dan Pameran Produk Eko dan Teknologi Hijau Antarabangsa Ke-2 Malaysia (IGEM 2011) Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.



Sabtu, 10 September, 2011

### **Jeti RM2.5 juta tingkat imej memancing**

ROMPIN: Kompleks Jeti Pantai Bernas Rompin, di sini sudah bersedia menerima kehadiran peserta pertandingan memancing Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC) 2011 yang bakal berlangsung pada 23,24 dan 25 September ini. Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Pahang, Idros Yahya, berkata jeti berharga RM2.5 juta itu dilengkapi pelbagai kemudahan untuk kegunaan pemancing dan penduduk Kuala Rompin Lama, antaranya pelantar konkrit untuk menurunkan bot, surau, bilik operasi, kaunter jualan dan kemudahan WiFi.

**Projek berkenaan yang dibiayai peruntukan Kementerian Pelancongan** siap sepenuhnya tahun lalu dan mampu menempatkan kira-kira 200 pengunjung, bakal digunakan sebagai lokasi pelepasan peserta RPBIC dan selepas itu akan dibuka kepada umum sebagai pangkalan bot penambang penduduk Kuala Rompin dan jeti bot memancing. "Saya berharap pengunjung serta pemancing memanfaatkan jeti ini sebaiknya, sekali gus membantu kerajaan negeri meningkatkan lagi imej kawasan ini sebagai destinasi memancing antarabangsa," katanya selepas meninjau lokasi itu, semalam bersama Pengurus Projek Khas Berita Harian, Mohd Mizal Hasbullah dan Wartawan Eksekutif Joran, Nasir Abd Wahab. RPBIC yang masuk siri kelapan bakal menerima kira-kira 150 pemancing tempatan dan antarabangsa, menawarkan hadiah keseluruhan RM47,800 membabitkan Kategori Berpasukan dan Kategori Individu.

Juara berpasukan akan meraih RM15,000; kedua RM6,000 dan ketiga RM3,300 serta empat hadiah sagu hati RM900 setiap satu, manakala juara individu bakal membawa pulang RM10,000; kedua RM5,000; ketiga RM2,500 dan empat hadiah sagu hati RM600. Untuk maklumat lanjut, hubungi Unit Joran Berita Harian di talian 03-22822323 sambungan 4240, 4241 dan 4242 atau laman web [http:// billfish.bharian.com.my](http://billfish.bharian.com.my). Sementara itu, Lanjut Golden Beach Golf Resort yang memiliki 110 bilik mengalukan-alukan bakal peserta pertandingan dengan tawaran pakej penginapan menarik. Maklumat mengenai pakej serta kemudahan resort boleh diperolehi dengan menghubungi Eksekutif Pemasarannya, Irene Achan di talian 09-4145113 atau [www.lanjut.com](http://www.lanjut.com).



Isnin, 12 September, 2011

### **Deposit tinggi tidak jamin kurang projek terbengkalai**

PUTRAJAYA: Tindakan menaikkan deposit bagi memperoleh lesen pemaju hartanah bukan jaminan dapat mengurangkan kes projek terbengkalai, sebaliknya pembeli rumah mungkin terpaksa membayar harga lebih pada masa depan, kata Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA). Merujuk kepada kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung baru-baru ini bahawa deposit RM200,000 bagi mendapatkan lesen terbabit akan dinaikkan, persatuan mewakili 1,000 pemaju hartanah itu menyuarakan kebimbangan lebih ramai ahlinya mungkin terpaksa gulung tikar. REHDA, dalam satu kenyataan semalam, berkata masalah projek terbengkalai akan tetap berlaku sekiranya keadaan ekonomi dan pasaran terjejas, sekali gus menyebabkan pemaju meninggalkan projek, tidak kira berapa deposit yang dibayar untuk mendapatkan lesen. "Peningkatan ini tidak mencegah projek terbengkalai, sebaliknya ia menghukum sebahagian besar pemaju hartanah kerana kos operasi meningkat, malah kami sudah menerima banyak aduan berhubung perkara ini, khususnya daripada pemaju di luar Lembah Klang. "Walaupun niat Persatuan Kebangsaan Pembeli Rumah (HBA) mengesyorkan kenaikan deposit lesen pemaju hartanah ini ikhlas bagi melindungi pembeli, kami yakin ada kaedah alternatif yang lebih baik dan dapat diterima semua pihak, baik REHDA atau HBA," katanya.

Baru-baru ini, Chee Heung dipetik berkata, pindaan terhadap Akta Pembangunan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 yang akan dibentangkan di Parlimen dengan mengambil kira pandangan HBA dan REHDA, termasuk memilih jalan tengah yang mana deposit lesen pemaju ditentukan mengikut kos keseluruhan sesuatu projek. Katanya, pendekatan seumpama itu dapat menjamin hanya pemaju hartanah memiliki keupayaan kewangan yang kukuh terpilih bagi melaksanakan projek pembangunan hartanah. Bagaimanapun, REHDA mengunjurkan harga hartanah akan meningkat berikutan pelaksanaan peraturan baru itu kerana sebarang tambahan dalam kos operasi pemaju hartanah akan disalurkan kepada pembeli dan seterusnya membebankan mereka kerana terpaksa mendapatkan pinjaman lebih tinggi. Namun, HBA berpendapat bayaran deposit RM200,000 bagi memperoleh lesen pemaju hartanah adalah terlalu rendah bagi menjamin sesuatu projek tidak terbengkalai.



**JPA diserang kulat, 300 diarah bercuti**

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terpaksa mengarahkan kira-kira 300 pegawai dan kakitangannya bercuti buat sementara waktu mulai hari ini selepas pejabat di Blok A, Bangunan MKN-Embassy TechZone di Cyberjaya mengalami serangan kulat yang dikhuatiri boleh menjejaskan kesihatan manusia. Sumber memberitahu, masalah serangan kulat itu mula dikesan pada tingkat lima bangunan terbabit oleh pegawai JPA yang kembali bertugas di situ selepas pulang daripada cuti panjang sempena sambutan Aidilfitri dan Hari Kemerdekaan, baru-baru ini. "Pada mulanya, serang kulat terbabit hanya dikesan di lantai dan dinding tingkat lima bangunan menempatkan Unit Audit Dalaman dan Bahagian Saraan sebelum ia didapati merebak ke tingkat empat yang menempatkan Bahagian Pengurusan Psikologi dan seterusnya ke Bahagian Pengurusan Maklumat di tingkat tiga bangunan yang sama.

"Masalah ini bertambah serius pada Jumaat lalu apabila kulat mula mengeluarkan spora hijau kekuningan sehingga menimbulkan kebimbangan di kalangan kakitangan yang mulai risau ia mungkin menjejaskan kesihatan, terutama mereka yang menghidap penyakit lelah atau ada alahan kulit," katanya. Difahamkan, berikutan kekhuatiran itu, terpaksa mengarahkan pegawainya mengosongkan tingkat tiga, empat dan lima bangunan terbabit bagi membolehkan kerja membaik pulih dilakukan secepat mungkin. Walaupun begitu, ada antara kakitangan JPA terbabit diarah memulakan tugas di Ibu Pejabat JPA di Putrajaya manakala selebihnya diarahkan bercuti dan hanya akan dipanggil ke pejabat sekiranya ada tugas penting perlu diselesaikan segera. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Abu Bakar Abdullah, ketika dihubungi semalam bagaimanapun, enggan mengulas lanjut mengenai isu terbabit.

**Kakitangan JPA terus tugas seperti biasa dari rumah**

PUTRAJAYA: Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bertugas di Blok A, Bangunan MKN-Embassy Techzone, Cyberjaya masih menjalankan tugas seperti biasa walaupun bangunan itu ditutup untuk pembersihan selepas diserang kulat sejak seminggu lalu. Bangunan terbabit yang turut ditutup kepada orang ramai, menempatkan Unit Audit Dalaman, Bahagian Saraan, Bahagian Pengurusan Psikologi dan Bahagian Pengurusan Maklumat JPA. Jurucakap JPA berkata, ia disebabkan semua tugas termasuk dengan pelanggan JPA dibuat menerusi e-mel, Sistem Maklum Balas di Portal JPA dan Facebook. "Pihak pengurusan JPA sudah mengarahkan semua pegawai dan kakitangan JPA supaya meneruskan kerja seperti biasa dan mereka diarahkan bekerja dari rumah. "Dakwaan mereka diarah bercuti tidak benar," katanya dalam kenyataan di sini, semalam. Katanya, bagi memastikan kelancaran operasi JPA turut membuka Bilik Operasi di ibu pejabatnya di Putrajaya bagi memudahkan pelanggan berurusan dengan semua bahagian terbabit. Beliau berkata, 15 talian khas dibuka mulai 12 hingga 23 September ini dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang, bagi kemudahan orang ramai. Kelmarin, semua pejabat JPA di Blok A, Bangunan MKN-Embassy Techzone, Cyberjaya ditutup bagi membolehkan pihak kontraktor menjalankan kerja pembersihan dan mengecat semula bangunan yang diserang kulat sejak seminggu lalu. Pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan yang bertugas di bangunan terbabit turut dibekalkan dengan topeng muka bagi mengurangkan risiko jangkitan akibat serangan kulat. Sebelum ini, Berita Harian melaporkan JPA terpaksa mengarahkan 300 pegawai dan kakitangannya bercuti buat sementara waktu sejak Isnin lalu, selepas pejabatnya diserang kulat.

**RM3.06j intensif pesawah**

AYER KEROH: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menyalurkan kira-kira RM3.06 juta dalam bentuk pelbagai jenis insentif kepada pesawah di seluruh negeri ini sepanjang tahun lalu bagi membantu peningkatan pengeluaran tanaman padi. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata terdapat tiga jenis insentif utama yang dibekalkan kepada pesawah di negeri ini iaitu meliputi subsidi baja padi, insentif pengeluaran padi dan pemberian baja tambahan menerusi Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM). Katanya, Kerajaan Persekutuan melalui LPP memberikan baja sebatian pada kadar 240 kilogram sehektar dan 100 kilogram baja urea untuk sehektar tanah, manakala baja tambahan diberikan pada kadar RM140 sehektar untuk semusim selain upah bajak sebanyak RM100 sehektar. "Bagi menambah kesuburan tanah pula, baja tambahan NPK diberikan pada kadar RM400 bagi setiap hektar di bawah DJBM, selain bantuan kapur sebanyak RM850 sehektar," katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri di Seri Negeri, di sini, semalam.

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Othman Muhamad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Omar Kaseh dan Mufti Melaka, Datuk Wira Rashid Redza Md Saleh. Mohd Ali berkata, kerajaan negeri sentiasa mengiktiraf fungsi dimainkan peladang di Melaka selaras peranan golongan itu yang menjadi nadi penggerak kepada pengeluaran utama makanan negara selama ini. Beliau berkata, kerajaan sentiasa memastikan mereka mendapat manfaat dari hasil pembangunan negeri. "Dalam usaha meningkatkan bekalan makanan, kita tidak mahu peladang ketinggalan dalam menikmati kekayaan dan pulangan yang disasarkan dalam Model Ekonomi Baru," katanya. Mohd Ali berkata, kumpulan peladang juga perlu lebih berdaya saing terutama dengan negara yang mempunyai kos pengeluaran lebih rendah ketika suasana perdagangan global semakin terbuka ketika ini. "Ejen paling sesuai untuk meningkatkan daya saing, kemajuan dan perubahan ini ke tahap tertinggi kepada kumpulan sasar sektor pertanian ialah pertubuhan peladang," katanya.

**KWSP raih pulangan RM6.75b**

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meraih pulangan pelaburan sebanyak RM6.75 bilion dalam tempoh suku kedua berakhir 30 Jun lalu, meningkat 24.42 peratus berbanding RM5.93 bilion dalam tempoh sama tahun lalu. Ini menjadikan pulangan pelaburan terkumpul pengurus dana pencen itu dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini sebanyak RM13.28 bilion. Dalam suku pertama lalu, ia mencatatkan pulangan pelaburan sebanyak RM6.53 bilion. Ketua Eksekutifnya Tan Sri Azlan Zainol, berkata tiga kelas aset KWSP mencatatkan prestasi tertinggi dalam tempoh suku kedua tahun ini, iaitu ekuiti, pinjaman dan bon serta Sekuriti kerajaan Malaysia hasil pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan. Katanya, ekuiti memberikan sumbangan tertinggi dengan pendapatan pelaburan sebanyak RM3.27 bilion, meningkat 47.89 peratus berbanding RM2.21 bilion pada suku kedua 2010, hasil prestasi pendapatan korporat yang lebih kukuh dan asas ekonomi negara yang berdaya tahan. "Di sebalik ketidaktentuan ekonomi global, asas ekonomi Malaysia terus terbukti berdaya tahan dengan pertumbuhan suku kedua stabil pada paras empat peratus. "Kebanyakan sektor pelaburan ekuiti KWSP memperoleh pendapatan dan dividen baik. Aktiviti mengambil untung daripada penjualan sesetengah aset pelaburan KWSP juga menyumbang kepada prestasi menggalakkan ini," katanya dalam kenyataan mengumumkan prestasi pelaburan yang belum diaudit itu semalam.

Azlan berkata, pinjaman dan bon adalah penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan pelaburan KWSP dalam tempoh suku kedua lalu dengan pulangan sebanyak RM1.87 bilion, meningkat 11.43 peratus berbanding suku kedua 2010. "Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia pula menjana pendapatan sebanyak RM1.39 bilion, naik 5.29 peratus. "Bagaimanapun, pulangan daripada Instrumen Pasaran Wang menguncup 1.04 peratus berbanding suku tahun sama tahun lalu dengan mencatatkan pulangan RM192.41 juta manakala pendapatan daripada pelaburan hartanah meraih RM28.50 juta, meningkat 25.22 peratus," katanya. Azlan berkata, KWSP akan terus berusaha meningkatkan nilai dananya dengan meneroka jenis pelaburan yang mampu menghasilkan pulangan lebih tinggi tanpa pendedahan kepada risiko yang berlebihan, termasuk mempelbagaikan lagi kelas aset. Namun melangkah ke hadapan, beliau menegaskan, perkembangan ekonomi baru-baru ini memberikan gambaran bahawa 2012 dijangka diselubungi ketidakpastian kerana kebimbangan mengenai kemelesetan ekonomi di Eropah dan Amerika Syarikat akan terus mempengaruhi tindakan pelabur. "Bagaimanapun, dengan rangka pengurusan risiko dan strategi pelaburan taktikal yang mantap, KWSP sentiasa bersedia menangani cabaran dan merebut peluang yang mendatang. KWSP akan terus berhati-hati dan teliti dalam aktiviti pelaburannya dengan mengekalkan pendekatan pelaburan yang berhemah dan berisiko rendah," katanya.



Rabu, 14 September, 2011

### **Pelaburan FELDA RM8b**

KUALA LUMPUR: FELDA terus mencatat pertumbuhan kewangan memberangsangkan apabila nilai semasa saham yang tersenarai dan tidak tersenarai serta dana amanah raya miliknya kini mencecah lebih RM8 bilion. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata punca kewangan FELDA mencatat pertumbuhan kukuh dengan hampir semua anak syarikat mencatat keuntungan. "Pelaburan FELDA menerusi pembelian syarikat gula (Malaysian Sugar Manufacturing) juga begitu menggalakkan apabila nilai sahamnya meningkat daripada RM3.36 sen sesaham kepada RM5.30 ketika ini," katanya berucap pada majlis jamuan Aidilfitri FELDA di sini, semalam. Terdahulu beliau menghadiri Mesyuarat Pengurusan FELDA serta menyaksikan perjanjian persefahaman antara anak syarikat FELDA, FELDA Prodata Systems Sdn Bhd dengan syarikat penyedia sistem teknologi maklumat (IT) India, Tata Consultations Services. Turut hadir Pengerusi FELDA, Tan Seri Isa Samad dan Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Vijay K Gokhale.

Perdana Menteri berkata, pencapaian itu membuktikan FELDA sebagai sebuah organisasi mampu mencatat kejayaan dan akan terus melakukan pelbagai pembaharuan serta program pembangunan untuk kebajikan peneroka dan rakyat negara ini. "Kini pendapatan pekebun sawit meningkat kepada RM4,500 sebulan, menjadikan mereka kini termasuk dalam golongan pendapatan pertengahan di negara ini. "FELDA juga akan menambah projek perumahan generasi kedua di seluruh negara. Kita akan tambah jumlah perumahan ini," katanya. Najib berkata, FELDA juga memperbanyakkan pelaburannya supaya kepercayaan terhadap agensi ini akan terus meningkat. "Kita harap akan melipat ganda usaha supaya FELDA terus maju dan mampu membentuk komuniti yang berjaya. Proses pembaharuan sejak 1956 sehingga kini terbukti memberi hasil besar kepada kita. "Jasa dan budi kerajaan menerusi FELDA amat besar sekali dan diharapkan semua warga FELDA dapat mempertahankan agensi ini," katanya.

**Sektor perbankan jana ekonomi**

KUALA LUMPUR: Institusi kewangan perlu terus memberikan pinjaman secara bertanggungjawab bagi memastikan ekonomi negara berkembang pesat, di samping mendidik pengguna secara progresif mengenai aspek pengurusan kewangan. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata adalah penting bagi mana-mana institusi kewangan untuk terus mengeluarkan pinjaman, namun mereka perlu memastikan ia dilaksanakan dengan bertanggungjawab bagi mengelak krisis kewangan seperti yang berlaku di beberapa negara dunia sebelum ini, tidak berlaku di sini. "Kesan buruk akibat daripada sebarang bentuk pinjaman yang tidak bertanggungjawab sudah dirasai rakyat, perniagaan dan negara di banyak negara dunia dan kita perlu memastikan kesilapan sama tidak berulang di negara ini, terutama ketika perkhidmatan kewangan negara sedang berkembang," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sasana Kijang, sebuah pusat latihan, kecemerlangan dan bidang perbankan serta kewangan, di ibu negara semalam. Turut hadir, Gabenor Bank Negara, Tan Seri Dr Zeti Akhtar Aziz. Najib berkata, dengan perkembangan pesat ekonomi di negara ini, sektor perbankan perlu turut sama berganding bahu dengan kerajaan bagi meningkatkan kefahaman rakyat dalam aspek pengurusan kewangan. "Kita perlu meningkatkan kesedaran ini menerusi pelbagai cara, termasuk menerusi Program Pendidikan Pengguna, laman web bankinfo dan pelbagai inisiatif lain. Kita mahu rakyat berasakan mereka mampu membuat keputusan kewangan yang tepat.

"Sebagai pengguna mereka perlu dididik dan diperkasakan dengan pengetahuan supaya mereka kurang terdedah kepada penipuan atau mudah terpengaruh dengan sektor tidak rasmi. Pada masa sama, pengetahuan ini membolehkan mereka menuntut perkhidmatan kewangan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan masing-masing," katanya. Perdana Menteri berkata, sektor perbankan perlu bertanggungjawab dalam memastikan aspek ketelusan selain mampu membangunkan keupayaan masing-masing dan membina rangkaian antarabangsa. "Saya mahu bank di negara ini meneroka potensi luar, mencari pasaran serta kawasan pertumbuhan baru bagi mengukuhkan lagi kehadiran kita pada peringkat serantau dan antarabangsa," katanya. Sementara itu, Zeti berkata, Sasana Kijang dilengkapi pelbagai kemudahan persidangan dan latihan moden, turut menempatkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Antarabangsa (IFSB) dan Pusat Latihan dan Penyelidikan Bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) selain galeri serta muzium mata wang. "Sasana Kijang bakal menjadi pentas percambahan minda dan mengukuhkan lagi pengetahuan mengenai pengurusan bank pusat serta medan intelektual membincangkan segala isu kewangan global," katanya.

**'Saya pernah tegur cara dapat tanah untuk PKFZ'**

KUALA LUMPUR: Seorang saksi memberitahu mahkamah beliau pernah menegur bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liong Sik berhubung tindakannya mengadakan rundingan dengan syarikat Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) iaitu pemilik tanah Pulau Indah di Klang dalam urusan jual beli tanah berkenaan untuk projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan, Datuk Zaharah Shaari, 62, berkata, beliau berbuat demikian kerana menjadi tanggungjawab sebagai pegawai kanan kerajaan bagi mengelak berlakunya pelanggaran kepentingan awam dan undang-undang.

Ketika disoal balas peguam Wong Kian Kheong yang mewakili Dr Liong Sik, saksi keenam pendakwa itu berkata beliau turut memberitahu Dr Liong Sik cara yang terbaik dengan memperoleh tanah berkenaan melalui pengambilan oleh kerajaan dan bukan secara pembelian. Ditanya Kian Kheong sama ada beliau pernah memaklumkan kepada bekas menteri itu berhubung kesilapan dalam harga pembelian tanah, saksi itu menjawab: "Tidak Ingat." Bagaimanapun, Zaharah bersetuju dengan cadangan peguam itu, Dr Liong Sik tidak mempunyai sebarang keutamaan terhadap tanah berkenaan selagi ia digunakan dalam pembangunan projek PKFZ. Beliau berkata demikian dalam perbincangan terhadap Liong Sik yang didakwa menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma yang dipersetujui antara KDSB dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Dr Liong Sik didakwa tidak mendedahkan kepada Jemaah Menteri fakta berkaitan kadar faedah 7.5 peratus setahun adalah tambahan kepada harga pembelian tanah yang berasaskan kadar RM25 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi iaitu RM1,088,456,000, sedangkan dia tahu Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), dalam menentukan kadar itu sudah mengambil kira kadar kupon atau faedah. Sementara itu Kian Kheong turut mempersoalkan bagaimana Zaharah boleh bertanyakan berkenaan kadar pembelian tanah pada harga RM25 bagi keluasan 30.48 sentimeter (SM) persegi yang merangkumi kadar faedah dalam mesyuarat dipengerusikan beliau sedangkan mesyuarat itu membabitkan pengambilan tanah dan bukan pembelian. Menjawab persoalan itu, Zaharah berkata, perkara itu mungkin diberitahu oleh semua pegawai kanan yang menghadiri mesyuarat, antaranya daripada Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), tetapi ia tidak dicatatkan. Kian Kheong turut mencadangkan kepada Zaharah bahawa ia tidak pernah menghantar apa-apa nota kepada Liong Sik berhubung kadar pembelian tanah itu merangkumi kadar faedah, yang dijawab saksi: "Tidak ingat."



Khamis, 15 September, 2011

### **Ekonomi dijangka terus stabil**

KERAJAAN yakin mampu mencapai sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.2 peratus bagi keseluruhan tahun ini walaupun mencatatkan pertumbuhan pada suku pertama dan kedua masing-masing sebanyak 4.9 peratus dan empat peratus. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata keyakinan itu berdasarkan ekonomi negara yang kekal stabil walaupun berdepan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu. Katanya, kerajaan juga berada pada landasan kukuh untuk mencapai sasaran mengurangkan defisit fiskal kepada 5.4 peratus tahun ini berbanding sekitar 5.6 peratus tahun lalu. "Oleh kerana, ekonomi Malaysia mengamalkan pasaran terbuka maka kita amat terdedah kepada ketidakstabilan perdagangan dan aliran modal antarabangsa, justeru kerajaan sedang mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan impak berkenaan kepada negara dan berharap persekitaran lemah ini akan berakhir tidak lama lagi.

"Kita mempunyai asas ekonomi yang baik dengan 5.2 peratus pertumbuhan dalam penggunaan domestik serta kadar pengangguran yang rendah, justeru kerajaan berharap sektor swasta kekal komited dalam pelaburan masing-masing bagi membantu kerajaan mencapai sasaran pertumbuhan KDNK ini," katanya dalam ucapannya pada majlis penyampaian anugerah Malaysia 1000 bagi 2011 di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama, Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan dan Pengerusi Kumpulan BASIS, Tan Sri Abu Hassan Omar. Pada majlis itu, sebanyak 27 syarikat diumumkan menerima anugerah Malaysia 1000 bagi 2011. Tiga anugerah tertinggi dimenangi Celcom Mobile Sdn Bhd bagi Anugerah Pulangan Modal Belanja, QSR Brands Bhd bagi Anugerah Peratus Peningkatan Terbesar bagi Pendapatan manakala WRP Asia Pacific Sdn Bhd dipilih sebagai pemenang Anugerah Peratus Peningkatan Terbesar bagi Keuntungan.

**Lesen kontraktor kelas F dibuka semula**

KUALA LUMPUR: Berkuatkuasa serta-merta, pendaftaran lesen kontraktor kelas F yang dibekukan sejak Mac 2005, dibuka semula bagi memberi peluang kepada generasi muda yang berkelayakan dan berpengetahuan teknikal menceburi industri binaan negara. Permohonan baru lesen kelas berkenaan yang diluluskan Kabinet kelmarin, akan dilakukan secara terkawal termasuk penetapan syarat lebih ketat kepada kontraktor baru yang layak mendaftar. Selain itu, Kabinet turut meluluskan sistem satu pendaftaran kontraktor (1ROC) iaitu hanya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dipertanggungjawabkan terhadap pendaftaran kontraktor, sekali gus menjimatkan kos operasi kontraktor bagi semua kelas antara puluhan ringgit hingga RM15,000. Menerusi pelaksanaan 1ROC, kontraktor kelas F yang berdaftar dengan CIDB akan dikenali sebagai kontraktor gred G1, diikuti kelas E (G2), D (G3) hingga G7. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor, berkata sejak lesen F dibekukan, bilangan kontraktor kelas berkenaan menurun kira-kira 20 peratus daripada 35,000 kepada 28,982 kontraktor apabila beberapa syarat baru diperkenalkan selain penguatkuasaan yang lebih ketat. Dalam tempoh enam tahun ini, katanya, ramai generasi muda lepasan universiti, institusi kemahiran dan pusat latihan yang berkaitan dengan kejuruteraan dan binaan berminat untuk menceburi industri pembinaan tetapi terhalang kerana lesen dibekukan.

"Bagaimanapun, pada masa sama kerajaan tidak mahu negara dibanjiri kontraktor kelas F sebab itu hanya mereka yang ada kebolehan dan kelayakan saja dipertimbangkan," katanya pada sidang media sempena jamuan Aidilfitri kementerian di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya, di sini, semalam. Kontraktor berdaftar di bawah gred G1 tidak boleh melebihi usia 40 tahun, tetapi pengecualian hingga 50 tahun diberikan kepada individu yang berpengalaman kerja ditetapkan dalam bidang pembinaan. Selain itu, syarat menetapkan kontraktor perlu memiliki sekurang-kurangnya sijil kemahiran daripada institusi latihan pembinaan atau kelayakan lain daripada institusi pengajian yang diiktiraf atau pengalaman kerja dalam bidang berkaitan selama lima tahun. Kontraktor juga perlu mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM10,000. Dijangkakan seramai 4,151 kontraktor yang berdaftar dengan CIDB layak dipertimbangkan untuk dianugerahkan lesen gred G1 apabila pendaftaran dibuka semula. Shaziman berkata, syarat lebih ketat juga akan dikenakan terhadap kontraktor kelas F yang memperbaharui lesen setiap tiga tahun sekali dengan mewajibkan kontraktor menghadiri temu duga dikendalikan CIDB bagi memastikan mereka benar-benar layak dianugerahkan lesen berkenaan. Katanya, kementerian mendapati keengganan kontraktor kelas F untuk naik ke kelas lebih tinggi terutama kelas E disebabkan pelbagai faktor, antaranya kadar keuntungan bagi projek ditawarkan relatifnya tinggi berbanding kelas lain, bilangan projek kelas E terhad selain sikap segelintir kontraktor kelas F yang menjadikan lesen sebagai pendapatan sampingan.

**Kerugian kes tipu internet RM2.54j**

KUALA LUMPUR: Jumlah kerugian akibat kegiatan sindiket penipuan perbankan internet dipercayai didalangi warga asing mencapai RM2.54 juta dari Januari hingga Julai lalu, berbanding RM1.01 juta sepanjang tahun lalu. Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Abu Hassan Alshari Yahaya, berkata jumlah itu diperolehi menerusi data pusat perkhidmatan pelanggan dikenali BNMLINK dan BNMTLINK yang merekodkan aduan penipuan pelanggan bank dari seluruh negara.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan lebih ramai mangsa mengalami kerugian tetapi enggan membuat laporan kerana malu selain bimbang imej tercalar berikutan ada di kalangan mereka terdiri daripada ahli politik, profesional dan akademik. Katanya, peningkatan kerugian disebabkan kelicikan sindiket yang menggunakan pelbagai modus operandi yang sentiasa berubah seiring perubahan teknologi maklumat bagi memperdaya dan mengelirukan orang ramai termasuk menyamar sebagai polis, pegawai bank dan pegawai BNM. Selain menggunakan kaedah 'phishing' iaitu mencuri maklumat ketika pelanggan mengakses laman web perbankan internet palsu, sindiket berkenaan juga menggunakan teknik 'spoofing' iaitu memalsukan nombor telefon digunakan untuk menghubungi mangsa bagi menyembunyikan identiti. "Kaedah 'spoofing' juga membuatkan nombor pemanggil yang tertera kelihatan seperti nombor bank komersial, nombor agensi kerajaan dan nombor BNM. "Mereka yang menipu sangat bijak kerana pandai berlakon seperti wakil bank, syarikat kad kredit dan pegawai kerajaan untuk meyakinkan mangsa mendedahkan maklumat perbankan, kata laluan dan maklumat sulit lain. "Sindiket juga mengupah 'runner' terdiri daripada pelajar atau penganggur untuk menggunakan akaun bank mereka sebagai transit bagi tempoh singkat bagi transaksi wang diperoleh daripada akaun mangsa," katanya kepada Berita Harian, semalam.



Isnin, 19 September, 2011

### **Tanah untuk perwira (HL)**

IPOH: Perak menawarkan lot kediaman percuma dengan bayaran premium tanah paling minimum kepada pesara tentera dan polis sebagai penghargaan terhadap jasa serta pengorbanan mereka dalam menjaga keamanan negara. Bagi tujuan itu, kerajaan negeri semalam mengumumkan 7,000 lot kediaman disediakan menerusi Projek Rancangan Penempatan Tersusun (RPT) untuk bekas tentera dan polis, manakala premium tanahnya ditetapkan hanya RM500, sekali gus menjadi negeri pertama berbuat demikian. Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata projek itu akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu fasa pertama membabitkan 3,700 lot kediaman, manakala selebihnya dilaksanakan menerusi fasa kedua. "Kita sudah mengenal pasti kawasan seluas 248 hektar di seluruh Perak bagi pembinaan lot kediaman berkenaan. Jika semua perbincangan dan persefahaman membabitkan pelbagai aspek, termasuk teknikal dapat diselesaikan, projek berkenaan akan dimulakan sebelum akhir tahun ini. "Usaha bagi menjayakan projek ini sudah dimulakan kira-kira 18 bulan lalu dan kerajaan negeri sudah mengenal pasti kawasan berkenaan membabitkan 10 daerah di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan 2011, Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Bahagian Perak ke-24 di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, semalam.

Hadir sama Presiden PTBM, Datuk Muhammad Abd Ghani; Yang Dipertua PTBM Perak, Leftenan Komander (B) Jayah Said dan Panglima 2 Briged, Datuk Zulkifli Mansor. Zambry berkata, pemilihan individu layak menerima peruntukan itu akan dibuat PBTM dan keutamaan diberi kepada mereka yang belum memiliki kediaman. "Perak menjadi negeri pertama melakukan usaha memberi lot kediaman dan pengurangan kadar premium tanah. Kebiasaannya, kadar premium tanah yang dikenakan sebanyak RM3,000, tetapi kita tetapkan hanya RM500 sebagai tanda penghargaan kerajaan negeri terhadap jasa serta sumbangan kepada bekas tentera dan polis yang banyak berkorban demi mempertahankan keamanan negara. "Justeru, kerajaan negeri kehilangan hasil sekurang-kurangnya lebih RM17 juta dalam bentuk nilai premium tanah," katanya. Terdahulu, beliau turut menyerahkan geran hak milik bangunan Wisma Pahlawan kepada PBTM Perak dan bantuan kerusi roda kepada dua bekas tentera Perak, iaitu Moh Sani Odin dan Rosli Adnan. Pada majlis sama, dua bekas tentera, iaitu Mejar (B) Zainal Arif Abdul Aziz dan Pegawai Waran 1 (B), Nor Wati Pandak Piah turut menerima Pingat Setia Sentiasa Berjuang (PSSB) yang disampaikan Zambry bagi menghargai sumbangan mereka dalam perkhidmatan masing-masing.

**Projek penempatan pesara tentera, polis patut jadi contoh**

KUALA LUMPUR: Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) berharap Projek Rancangan Penempatan Tersusun (RPT) yang dilaksanakan kerajaan Perak untuk pesara tentera dan polis dapat dicontohi negeri lain dalam membantu golongan itu hidup lebih selesa. Presidennya, Shafie Bakri, berkata ini berikutan ramai bekas anggota polis dan tentera yang tinggal di kawasan bandar menghadapi masalah memiliki rumah serta tanah sendiri selepas bersara. "Seperti kita tahu faktor usia yang lanjut turut menjadi halangan utama bagi mendapatkan pinjaman dari pihak bank untuk membeli kediaman tetap untuk keluarga. "Inisiatif kerajaan Perak menawarkan lot kediaman percuma dengan bayaran premium tanah paling minimum menerusi RPT dapat membantu meringankan beban ditanggung mereka sekali gus memberi kehidupan selesa kepada keluarga walaupun sudah tidak bekerja," katanya ketika dihubungi Berita Harian, di sini, semalam.

Berita Harian semalam melaporkan Perak menawarkan lot kediaman percuma dengan bayaran premium tanah paling minimum kepada pesara tentera dan polis sebagai penghargaan terhadap jasa serta pengorbanan mereka dalam menjaga keamanan negara. Bagi tujuan itu, kerajaan negeri mengumumkan 7,000 lot kediaman disediakan menerusi RPT untuk bekas tentera dan polis, manakala premium tanahnya ditetapkan hanya RM500 sekali gus menjadi negeri pertama berbuat demikian. Menteri Besar, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir, berkata projek itu akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu fasa pertama membabitkan 3,700 lot kediaman, manakala selebihnya dilaksanakan menerusi fasa kedua. Sementara itu, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM), Datuk Muhammad Abd Ghani, berkata usaha kerajaan Perak amat dipuji kerana menunjukkan sikap prihatin hingga ke peringkat akar umbi selain membantu tanpa mengambil kira fahaman politik. "Langkah itu secara tidak langsung membantu sebilangan daripada kira-kira 5,000 pesara tentera yang menamatkan perkhidmatan mereka pada setiap tahun untuk memiliki rumah sendiri," katanya. Di AYER KEROH, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata ketika ini kerajaan Melaka belum berhasrat berbuat demikian berikutan masalah menyediakan kawasan tanah. "Buat masa ini, kita belum ada rancangan kerana menghadapi masalah tanah. Kalau ada kawasan, Insya-Allah, kita sedia tawarkan," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir, petang semalam.

**Program latihan 1Malaysia**

USAHA kerajaan mewujudkan program Latihan 1Malaysia menerusi Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia ternyata berjaya apabila seramai 27, 447 peserta memperoleh manfaatnya. Program menggalakkan lebih ramai pekerja menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang yang dijalankan pada hujung minggu itu membabitkan pekerja sektor awam dan swasta. Pengarah (Pengurusan Latihan) JTM, Abd Halim Ali Mohamed, berkata sehingga kini, sebanyak 2,268 program dijalankan di 29 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh negara. Antara program ditawarkan ialah sembilan bidang latihan iaitu kimpalan, pembuatan, pengeluaran, perkhidmatan, percetakan, penyelenggaraan elektrik, elektronik, sivil serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Katanya, program juga dikendalikan di 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP), lima Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Adtec) dan Institut Teknikal Jepun - Malaysia (JMTI) yang terdapat di seluruh negara.



Katanya, orang ramai yang berminat diminta merujuk laman web JTM di alamat [www.jtm.gov.my](http://www.jtm.gov.my) atau menghubungi ILJTM di seluruh negara bagi mengetahui program latihan yang masih dijalankan. "Sebanyak RM30 juta diperuntukkan kerajaan untuk melaksanakan program Latihan 1Malaysia di bawah JTM bermula April lalu hingga hujung tahun ini. Program ini selaras pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika pembentangan Bajet 2011, Oktober tahun lalu. "Program ini mendapat sambutan menggalakkan kerana selain dijalankan selepas waktu kerja bermula Isnin hingga Jumaat atau Sabtu dan Ahad, peserta juga akan diberikan sijil profesional sebaik tamat latihan. "Sijil sama dikeluarkan JTM atau pihak luar yang menjalankan kerja sama bagi sesetengah program misalnya sijil Cisco Certified Network Associate (CCNA), Cisco Certified Entry Network Technician (CCENT), Certified Fiber Optic Technician (CFOT) dan Computer Technology Industry Association (CompTIA) bagi bidang rangkaian, sijil Certification Scheme for Welding Inspection Personnel (CSWIP) bagi bidang kimpalan dan Microsoft bagi bidang teknologi maklumat," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Abd Halim menjelaskan lima ILJTM baru yang telah siap dibina iaitu ILP Marang, Adtec Taiping, Adtec Kemaman, Adtec Jerantut dan Adtec Bintulu sedang dalam proses perolehan peralatan dan dijangka membuat pengambilan pertamanya tahun depan. Pertambahan ILJTM ini, katanya, bakal membuka lebih banyak ruang kepada pelajar lepasan sekolah melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran seterusnya membantu kerajaan melahirkan lebih ramai golongan pekerja berkemahiran tinggi yang mampu menjana perkembangan ekonomi negara. "Pihak industri memang mengakui bahawa pelajar lepasan ILJTM berkualiti tinggi justeru tidak hairanlah menerusi kajian yang dibuat setiap kali selesai majlis konvokesyen, lebih 73 peratus berjaya memperoleh pekerjaan dalam bidang ma singma sing dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pe ngajian," katanya. Selain itu, JTM turut menubuhkan Unit Khidmat Sokongan Pekerjaan dan Komuniti (CESS) di semua ILJTM sejak tahun lalu bagi membantu pelajar mempersiapkan diri sebelum memasuki alam pekerjaan, memberikan khidmat nasihat dan membantu graduan mendapat pekerjaan dengan lebih mudah selepas tamat pengajian.



Khamis, 22 September, 2011

### **Lapan IPTA terima peruntukan khas RM7.2j**

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi (KPT) memperuntukkan sebanyak RM7.2 juta kepada lapan institusi pengajian tinggi (IPT) awam untuk menjayakan program Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) yang mula beroperasi tahun ini. Universiti yang terpilih dalam fasa pertama masing-masing menerima RM900,000 dengan IPT yang mempunyai fakulti pengajian sains sukan diberi tumpuan khusus dalam pembangunan program itu berikutan kemampuan melaksanakan pelbagai kajian dan penyelidikan berkaitan sukan. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, PKS berperanan untuk memperkemaskan lagi sistem pengurusan sukan di IPT dari segi pengurusan atlit, infrastruktur dan program kecemerlangan sukan. Katanya, program itu sebahagian daripada Dasar Pembangunan Sukan IPT untuk merealisasikan hasrat kerajaan melahirkan 30 peratus atlit negara dalam kalangan pelajar IPT menjelang 2015. "Lapan universiti terpilih ialah Universiti Malaya dalam acara bola jaring, Universiti Sains Malaysia (renang), Universiti Kebangsaan Malaysia (kriket) dan Universiti Putra Malaysia (ragbi). "Universiti Teknologi Malaysia pula bagi acara mendayung, Universiti Teknologi MARA (bola sepak), Universiti Utara Malaysia (golf) dan Universiti Malaysia Sabah (tae kwan do)," katanya selepas melancarkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai PKS Pencak Silat di Johor Bahru, baru-baru ini. Dalam pada itu, UTHM menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) bagi menjalinkan kerjasama dalam menggerak dan membangunkan kegiatan sukan pencak silat di negara ini.

IPT diperakui sebagai lubuk melahirkan atlit negara yang bertaraf dunia seperti dibuktikan atlit terjun negara Pandelega Rinong yang berjaya merangkul sebutir perak dalam acara 10m platform pada temasya Sukan Universiti Dunia (Universiade) ke-26 di Shenzhen, China, baru-baru ini. Pelajar Universiti Putra Malaysia kelahiran Sarawak itu turut menyumbang dua gangsa menerusi acara 10m platform segerak berpasangan dan acara berpasukan. Dalam acara segerak berpasangan dan acara berpasukan wanita, Pandelega yang menjadi idola atlet negara pada temasya sukan antarabangsa itu berpasangan dengan Leong Mun Yee, Ng Yan Yee dan Cheong Jun Hong.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 23 September, 2011

### **PBT terima peruntukan tambahan RM44.4 juta**


PUTRAJAYA: Sejumlah RM44.4 juta peruntukan tambahan disalurkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara tahun ini. Menteri, Datuk Wira Chor Chee Heung, berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM29.4 juta adalah peruntukan untuk PBT di Semenanjung dan bakinya untuk Sabah dan Sarawak. Peruntukan itu bagi membolehkan PBT melaksanakan projek-projek pembangunan kecil seperti pembaikan dan naik taraf jalan, longkang, parit, tandas, dewan dan sebagainya. Nilai projek juga adalah tidak melebihi RM20,000 bagi setiap projek yang dilaksanakan dan berharap semua PBT dapat menggunakan peruntukan yang diberikan dengan sebaik mungkin," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan peruntukan khas itu di sini hari ini. Beliau berkata, sehingga 15 September tahun ini, sejumlah RM181,890,198.11 peruntukan diluluskan kepada 98 PBT seluruh negara. Chor berkata, peruntukan tambahan diberikan hampir setiap tahun bagi membantu PBT. - BERNAMA.

**BERITA HARIAN**  
online

Jumaat, 23 September, 2011

### **Penolong kanan sekolah, kontraktor tipu dokumen**

Oleh Nurhayati Abllah dan Abu Bakar Al Sidek [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)



DOKUMEN palsu yang menggunakan cop Menteri Besar (gambar atas) dan tiga cop asli (gambar bawah) digunakan untuk urusan rasmi Pejabat Menteri Besar Perak yang dirampas dalam serbuan polis di Pulau Pinang, semalam.

### **Suspek guna cop MB Perak palsu projek balak, perumahan**

IPOH: Seorang penolong kanan sebuah sekolah menengah di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dan seorang kontraktor ditahan polis kerana disyaki terbabit dalam beberapa kes penipuan serta pemalsuan dokumen menggunakan cop Menteri Besar Perak membabitkan kerugian lebih puluhan ribu ringgit. Lelaki berusia 45 dan 47 tahun itu ditahan berasingan di Pulau Pinang dan di sini Selasa lalu, susulan dua laporan polis dibuat antara 2 hingga 11 Ogos lalu, membabitkan 12 kes berkaitan permohonan perusahaan pembalakan serta permohonan pelepasan dan penjualan lot kuota Bumiputera dalam projek perumahan. Ketua Polis Perak, Datuk Mohd Shukri Dahlan, berkata, polis turut merampas tiga cop berkaitan urusan rasmi pejabat Menteri Besar serta beberapa dokumen berkaitan permohonan beberapa projek perusahaan di Perak.

“Polis menahan penolong kanan itu di Pulau Pinang, manakala kontraktor itu menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh,” katanya, semalam. Awal Februari lalu, Pejabat Menteri Besar Perak membuat dua laporan polis berhubung kes penipuan dan pemalsuan dokumen menggunakan nama Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan jabatan kerajaan negeri berhubung kelulusan tanah serta projek membabitkan pembalakan. Kes itu menyebabkan beberapa mangsa mengalami kerugian puluhan ribu ringgit kerana tertipu mengenai tawaran projek yang didakwa mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri. Mohd Shukri berkata, siasatan turut mendapati tiga cop yang dirampas termasuk satu daripadanya cop Menteri Besar adalah cop asli yang digunakan untuk urusan rasmi pejabat Menteri Besar Perak dan ia dicuri dari pejabat berkenaan. “Bagaimanapun, kita tidak menerima sebarang laporan polis mengatakan ketiga-tiga cop itu dicuri dari pejabat berkenaan dan kita tidak menolak kemungkinan kes itu membabitkan orang dalam.

Kita masih menjalankan siasatan mengenai kes itu,” katanya. Beliau berkata, kedua-dua lelaki itu kini direman sehingga hari ini dan kini ditahan di IPD Cheras di Kuala Lumpur untuk siasatan lanjut kerana mempunyai beberapa rekod jenayah lain. Sementara itu, Zambry yang ditemui pada majlis Hari Ladang Peringkat Daerah Hilir Perak di Sungai Manik, dekat Teluk Intan, semalam memuji kecekapan polis memberkas pihak tidak bertanggungjawab itu. “Saya sendiri terkejut apabila ada rakyat yang berjumpa saya menunjukkan surat sokongan daripada Pejabat Menteri Besar yang ditandatangani saya sendiri, sedangkan saya tidak pernah mengeluarkan surat sokongan itu. “Saya mengingatkan rakyat Perak agar tidak percaya dengan mana-mana individu yang mendakwa boleh memberi surat sokongan yang mempunyai cop rasmi Pejabat Menteri Besar,” katanya. Zambry berkata, beliau menyerahkan kes itu disiasat polis secara terperinci untuk memberkas mereka yang bersalah.



Jumaat, 23 September, 2011

### **MAHB meterai perjanjian projek KLIA2 RM530.3j**

MALAYSIA Airports Holdings Bhd (MAHB) telah memeterai perjanjian konsesi dengan WCT Bhd serta Segi Astana Sdn Bhd (SASB) bagi projek pembinaan, pembangunan dan pembiayaan Kompleks Bersepadu di Terminal Tambang Murah (KLIA2) di Sepang, Selangor bernilai RM530.3 juta. Pengendali lapangan terbang itu turut memeterai perjanjian pemegang saham dengan anak syarikat milik penuh WCT, WCT Land Sdn Bhd (WCTL) yang memperlihatkan MAHB menguasai 30 peratus pegangan dalam SASB. “Perjanjian konsesi itu dimeterai hasil proses tender yang dikeluarkan kumpulan. “Menerusnya, konsep bina-kendali-pindah (BOT) membabitkan tempoh 25 tahun dengan pilihan melanjutkannya 10 tahun lagi akan diguna pakai bagi melaksanakan projek berkenaan,” katanya dalam kenyataan di Bursa Malaysia semalam. MAHB berkata, mengikut perjanjian konsesi itu, SASB akan dilantik bagi membina kompleks bersepadu yang akan menjadi hab bagi pengangkutan kereta api Express Rail Link (ERL), bas, teksi, perkhidmatan kereta sewa dan pengangkutan persendirian.



Sabtu, 24 September, 2011

### **'Malaysia terus pantau kemelesetan ekonomi global'**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia akan terus memantau dan mengambil langkah berhati-hati terhadap kemelesetan baru global meskipun ekonomi negara berkembang kukuh. Perdana Menteri berkata, pihaknya sedar wujud perasaan bimbang terhadap apa yang berlaku pada peringkat global dan negara memerlukan persekitaran luar yang mampan untuk terus menjayakan agenda nasional bagi jangka panjang negara.

Katanya, negara mencatat peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih tujuh peratus pada 2010, pelaburan langsung asing (FDI) pada separuh pertama tahun ini mencatat AS\$7 bilion (RM21.28 bilion), iaitu meningkat 76 peratus pada tempoh sama tahun lalu, sekali gus memecah rekod. "Bursa Malaysia turut mencatat enam rekod tinggi dalam tempoh sembilan bulan, prestasi yang dicemburui pasaran seluruh dunia, dengan syarikat yang disenarai menguasai pasaran melebihi AS\$440 bilion (RM1.34 bilion), meningkat 15 peratus dalam tempoh 12 bulan. "Begitu pun, kita masih perlu memantau kedudukan itu secara berhati-hati. Kita perlu sesuatu yang kukuh untuk berjaya," katanya dalam ucap-tama pada majlis persidangan kebangsaan: Menjadi Negara Berpendapatan Tinggi, Satu Realiti, di sini, semalam. Turut hadir, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek. Najib yang juga Menteri Kewangan mahu Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi kerana ia akan memberi manfaat kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa. Beliau yang komited dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi berkata, usaha itu tidak dapat dilakukan kerajaan secara bersendirian. Negara yang mencapai pendapatan tinggi, tegas beliau membolehkan pekerja mendapat gaji yang lebih tinggi sekali gus mempunyai pendapatan boleh guna lebih besar yang membawa kepada peningkatan dalam penggunaan swasta. "Ia akan mewujudkan peluang perniagaan baru bagi perusahaan kecil dan sederhana, memberi gambaran bagaimana sebuah negara berpendapatan tinggi meningkat kelajuan pemindahan wang yang merangsang kitaran pertumbuhan. "Masyarakat berpendapatan tinggi juga bermakna lebih banyak peluang pekerjaan di peringkat atasan dan bawahan, membuktikan anda tidak perlu meninggalkan negara untuk memulakan kerjaya masa depan," katanya.



Sabtu, 24 September, 2011

### **Kakitangan awam diramal naik gaji lagi**

KUALA LUMPUR: Kakitangan sektor awam dijangka sekali lagi menikmati kenaikan gaji tahun ini, dan kemungkinan perkara itu antara berita baik yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam Bajet 2012 di Dewan Rakyat, 7 Oktober ini. Antara tuntutan CUEPACS sebelum ini ialah pemberian bonus dua bulan, umur persaraan dinaikkan daripada 58 kepada 60 tahun dan penghapusan Gred 1 hingga 16 dalam skim perkhidmatan bagi membolehkan kakitangan awam peringkat rendah menikmati gaji lebih tinggi. Bagaimanapun, sumber menyatakan masih tidak diketahui berapa peratus kenaikan gaji yang bakal diperolehi oleh kakitangan kerajaan kerana pada 2007 mereka menikmati kenaikan gaji antara 7.5 hingga 35 peratus. Turut tidak dipastikan lagi sama ada Najib yang juga Menteri Kewangan akan memberi dua bulan bonus atau sebulan bonus saja dan ura-ura mengenai perkhidmatan ini sudah tersebar dengan meluas di kalangan kakitangan awam. Ketika pembentangan Bajet 2011 tahun lalu, bantuan khas kewangan RM500 diberikan kepada penjawat awam Gred 54 dan ke bawah termasuk pegawai kontrak dan pesara kerajaan bagi meringankan beban mereka dalam menampung perbelanjaan persiapan sekolah anak-anak.

Baru-baru ini, CUEPACS yang mewakili lebih sejuta kakitangan awam di negara ini, mengemukakan beberapa cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam usaha memperbaiki kebajikan anggota kerajaan di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Menurut sumber itu lagi, antara perubahan yang dijangka berlaku terhadap Sistem Saraan Malaysia (SSM) ialah kemungkinan membabitkan beberapa perkara seperti struktur gaji; elaun; peningkatan peluang kerjaya dan syarat perkhidmatan. "Kali terakhir semakan struktur gaji dan beberapa perkara lain secara menyeluruh membabitkan sistem sektor awam ialah pada 1992, cuma sebelum ini kerajaan beberapa kali mengumumkan pelarasan gaji. "Kita difahamkan Perdana Menteri akan mengumumkan berita baik kepada kakitangan kerajaan pada 7 Oktober ini... sudah tiba masanya untuk kerajaan melakukan satu perubahan drastik secara menyeluruh pada sektor perkhidmatan awam," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Sebelum ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menjelaskan pelarasan gaji kakitangan awam dilakukan sebanyak enam kali dalam tempoh 15 tahun sejak 1992 hingga 2007, diberikan setiap tiga hingga lima tahun iaitu pada 1992, 1995, 2000, 2002 (dua kali) dan 2007. Sistem Saraan Baru (SSB) dilaksanakan sejak Januari 1992, sebagai langkah strategik untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam sebelum dikaji semula dan digantikan dengan SSM. Dalam pada itu, Presiden CUEPACS, Datuk Omar Osman, berkata semua perkara yang dibangkitkan oleh kesatuan sekerja berkenaan kini sedang dikaji secara terperinci oleh JPA. "Melihat kepada beberapa pengumuman menarik yang dilakukan oleh Perdana Menteri sebelum ini, CUEPACS juga amat yakin bahawa beliau (Najib) akan turut membuat satu 'kejutan' pada 7 Oktober ini," katanya.



Isnin, 26 September, 2011

### **UNISZA bakal miliki hospital RM1.6 bilion**

KUALA TERENGGANU: Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UNISZA) bakal memiliki hospital sendiri apabila Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan RM1.6 bilion untuk pembinaannya di tapak seluas 40 hektar. Pembinaan fasa pertama hospital yang boleh memuatkan 400 katil akan dimulakan Mac depan membabitkan kos RM800 juta. Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said (kiri), berkata apabila pembinaan hospital itu siap, penuntut yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang kedoktoran dan kejururawatan di UNISZA tidak perlu lagi dihantar menjalani latihan amali di hospital di negeri lain, termasuk Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian. Katanya, fungsi hospital UNISZA sama seperti HUSM iaitu untuk menjadikan hospital sebagai tempat pengajaran dan rujukan dengan menawarkan perkhidmatan berkualiti serta teknologi terkini kepada orang ramai. "Perkhidmatan lain yang bakal disediakan di hospital itu ialah perkhidmatan pesakit luar, pesakit dalaman dan perkhidmatan sokongan klinikal serta makmal," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Pelancaran dan Penyerahan e-Book Tahun Empat, peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Tepoh, di sini, semalam. Seramai 1,048 pelajar Tahun Empat Sekolah Kebangsaan (SK) di kawasan DUN Tepoh menerima kemudahan itu. Ahmad berkata, hospital itu akan dibina di kawasan kampus UNISZA di Gong Badak.



Isnin, 26 September, 2011

### **Syarikat miliki projek impak tinggi diutama**

UNIT Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) berkata, syarikat Bumiputera yang mempunyai projek berimpak tinggi akan diberikan keutamaan dalam mendapatkan pembiayaan di bawah Dana Mudah Cara bernilai RM2 bilion yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bulan lalu. Ini termasuk syarikat yang sedang melaksanakan projek permulaan di bawah 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Program Transformasi Ekonomi (ETP). Ketua Eksekutif TERAJU, Husni Salleh, berkata dengan adanya dana itu, isu pembiayaan yang menjadi antara kekangan utama syarikat Bumiputera melaksanakan projek berimpak tinggi akan dapat diselesaikan. "Dana ini disasar dapat meningkatkan lagi pelaburan sektor swasta, khususnya di kalangan syarikat Bumiputera dalam projek yang mempunyai nilai strategik yang tinggi. "Dalam keadaan ini, sektor swasta akan bertindak sebagai pengambil risiko, manakala tanggungjawab kerajaan adalah untuk meningkatkan daya maju sesebuah projek itu," katanya dalam satu temu bual di Petaling Jaya, baru-baru ini. Dana Mudah Cara adalah ha-sil kerjasama TERAJU dan Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS).

Ia menyediakan sokongan kepada Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) Bumiputera dan akan menjadi insentif tambahan bagi syarikat yang memohon untuk mendapatkan bantuan di bawah program PKS Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) yang dilancarkan TERAJU pada 20 Julai. Dana itu juga akan menjadi pemangkin kepada syarikat Bumiputera untuk menjalankan projek besar yang mempunyai tahap kelayakan minimum nilai pelaburan projek berjumlah RM20 juta. Husni berkata, TERAJU akan menilai permohonan bagi dana berkenaan bergantung kepada keperluan teknikal sesuatu projek. "Pemohon hendaklah membuktikan mereka mempunyai projek yang benar-benar berdaya maju sebelum dana ini dapat diberikan. "Agihan pembiayaan adalah berdasarkan pembayaran secara berkala atau mengikut perkembangan projek," katanya. Beliau menambah, berdasarkan anggaran TERAJU, dana berkenaan dijangka dapat menjana kira-kira RM10 bilion pelaburan swasta. "Diharapkan, kesan jumlah pelaburan itu akan turut memberi manfaat kepada syarikat permulaan serta perusahaan mikro Bumiputera lain bagi membolehkan mereka memperbaiki kedudukan masing-masing dalam rantaian nilai," katanya. Husni berkata, TERAJU telah menerima beberapa permohonan daripada syarikat Bumiputera bagi mendapatkan pembiayaan itu sejak ia mula dilancarkan dan tidak menolak jumlah dana berkenaan akan ditambah jika keperluan mendapatkannya meningkat. Antara kriteria permohonan bagi dana itu ialah sekurang-kurangnya 51 peratus pemegang saham adalah Bumiputera dan syarikat mesti mempunyai kapasiti, kemahiran, daya saing dan kepakaran untuk melaksanakan projek. Syarikat itu juga mesti mempunyai kedudukan kewangan kukuh dan mampu mendapatkan pembiayaan komersial bagi menjayakan projek.



Selasa, 27 September, 2011

### **Kerajaan tak tambah aset pertahanan**

GEMAS: Kekangan kewangan menyebabkan Kementerian Pertahanan tidak akan menambah aset pertahanan baru negara dalam tempoh terdekat, terutama bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk menggantikan pesawat pejuang MiG-29. Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kementerian memahami kerajaan ketika ini perlu mengutamakan perkara lain dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), berbanding isu penambahan aset pertahanan. "Walaupun menyedari tempoh perkhidmatan 10 pesawat MiG-29 buatan Russia TUDM sudah tamat, kita tidak bercadang menggantikannya dalam masa terdekat. "Bagaimanapun, pasukan TUDM dan kementerian sedang menjalankan kajian terperinci mengenai pesawat tempur pelbagai guna (MRCA) yang sesuai bagi menggantikannya kelak," katanya selepas merasmikan Kompleks Mutiara PERNAMA di Kem Syed Sirajuddin di sini, semalam.

Baru-baru ini, Ahmad Zahid dilaporkan berkata kerajaan sedang mengkaji untuk menggantikan MiG-29 TUDM dengan MRCA Eurofighter Typhoon yang berharga RM3 bilion setiap satu. Katanya, MRCA lain turut berada dalam senarai pemerhatian kementerian termasuk Sukhoi SU-35, FA-18 Super Hornet dan JAS Gripen. Mengulas lanjut, beliau berkata, proses penggantian MiG-29 akan dilakukan apabila keadaan mengizinkan tanpa meletakkan sasaran tempoh masa. Bagaimanapun, katanya kementerian meneruskan semua pembelian lain dirancang dalam RMKe-10 termasuk kenderaan pelbagai guna (MPV) generasi kedua TLDM. Terdahulu, Ahmad Zahid berkata, pembukaan Kompleks Mutiara PERNAMA di Kem Syed Sirajuddin memberi keselesaan kepada warga kem mendapatkan keperluan pada harga lebih murah. "Rangkaian kedai PERNAMA menjual 370 barangan pada harga lebih murah, berbanding pasaran melalui subsidi RM5 juta diperuntukkan setiap tahun," katanya. Kompleks tiga tingkat berharga RM10 juta di kawasan seluas 0.65 hektar menyediakan 22 ruang perniagaan termasuk pasar raya PERNAMA, kedai gunting rambut, kedai jahit, kedai basikal, taman permainan kanak-kanak dan gelanggang futsal.

**Bajet 2012 serap tekanan pasaran**

PEMBENTANGAN Bajet 2012 pada 7 Oktober ini, yang dijangka bersifat mesra rakyat, akan menyerap tekanan penurunan pasaran saham tempatan bagi tempoh tiga bulan akan datang ekoran kedudukan ekonomi global yang tidak menentu, kata penganalisis. Ketua Penyelidikan Runcit Affin Investment Bank, Dr Nazri Khan, berkata arah aliran penurunan yang berlaku di pasaran tempatan dijangka berterusan dalam tempoh beberapa minggu lagi, menjejaki keadaan pasaran global. Katanya, keadaan itu turut diburukkan lagi pengaruh pasaran global lain yang terjejas ekoran perkembangan yang berlaku di Amerika Syarikat (AS), krisis hutang berterusan di zon Eropah dan kelembapan di China. "Kebiasaannya, pasaran akan dapat menyerap tekanan jika pembentangan bajet memberi rangsangan positif kepada sentimen secara keseluruhannya," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam. Harga saham di Bursa Malaysia meneruskan kejatuhannya di seluruh kaunter ketika ditutup semalam di tengah-tengah tekanan jualan saham mewah berikutan penurunan besar di Wall Street minggu lalu dan sentimen lemah pasaran serantau.

Pada penutup, indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) berada pada 1,331.80, susut 34.14 mata selepas dibuka 8.20 mata lebih rendah ketika dagangan pagi pada 1,357.74, sekali gus paras terendahnya dalam tempoh 14 bulan. FBM KLCI menjadi indeks kedua mencatat prestasi terburuk di kalangan pasaran Asia semalam selepas Indeks Komposit Jakarta yang berdepan penurunan terbesarnya sejak krisis kewangan global 2008. Peniaga secara umumnya berpendapat kebimbangan berterusan terhadap ekonomi global dengan krisis hutang Eropah dan risiko penurunan dalam ekonomi AS menyelubungi prestasi buruk bursa serantau dan pasaran saham tempatan. Ditanya bagaimana pembentangan bajet akan memberi kesan kepada pasaran, Nazri berkata saham yang ada hubungan dengan politik dan berkaitan kerajaan akan menerima rangsangan dari segi harga selain peningkatan asas.

Katanya, saham seperti United Malaya Land Bhd, Malaysian Resources Corp Bhd dan Gamuda Bhd serta saham sektor pendidikan seperti International Bhd dan Help International Corp akan meraih manfaat daripada pembentangan bajet itu. "Kebimbangan kita ialah perkembangan global di mana banyak dapat dilihat faktor negatif, khususnya di AS dan Eropah yang sebenarnya boleh menenggelamkan sentimen bajet tahun ini," katanya. Katanya, secara lazimnya, pasaran akan meningkat seminggu sebelum bajet dibentangkan di Parlimen. Terdahulu, dalam temubual dengan Bernama, beliau berkata bajet 2012 dijangka akan menangani beberapa isu yang berkemungkinan mengenai beberapa cara mengurangkan cukai pendapatan individu, khususnya dalam kumpulan berpendapatan sederhana dalam usaha meningkatkan kelebihan daya saing negara. "Namun, difahamkan beberapa cukai alternatif akan diperkenalkan yang mungkin lebih bersifat perbelanjaan berbanding pendapatan. "Jadi, ada kemungkinan kita akan menyaksikan cukai dikenakan ke atas utiliti seperti perkhidmatan telekomunikasi dan air," katanya.

**Bajet 2012 diharap kurang beban rakyat**

BARU-BARU ini ketika bersama kawan di restoran kopitiam di ibu negara sambil menikmati kopi panas dan roti bakar, terdengar perbualan beberapa pelanggan restoran berkenaan mengenai kos hidup yang semakin meningkat terutama di bandar. Mereka mengeluh dan berfikir bagaimana untuk meningkatkan lagi pendapatan dalam suasana ekonomi semasa yang semakin mencabar. Semuanya meningkat - kos perbelanjaan barang dapur, bahan bakar dan boleh dikatakan semua kos keperluan asas meningkat. Peningkatan kos ini lebih terasa menjelang perayaan. Bagaimanapun, sambutan Aidilfitri bagi masyarakat Islam bulan lalu, terutama kakitangan kerajaan boleh menarik nafas lega apabila kerajaan mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji dan minimum RM500 untuk mengurangkan beban membuat persiapan hari raya. Kakitangan bukan Islam turut menerima bonus itu. Dalam suasana ekonomi tidak menentu, pemberian ini cukup bermakna. Kerajaan memandang serius peningkatan kos hidup, malah melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), pihak berwajib berusaha meningkatkan pendapatan isi rumah, mengurangkan kemiskinan serta meningkatkan akses kepada infrastruktur asas, pendidikan dan pengangkutan awam bandar bagi mengimbangi kenaikan kos hidup.

Tidak wajar jika ada pihak mengatakan pemberian bonus oleh kerajaan adalah gula-gula politik bagi Pilihan Raya Umum Ke-13. Sebaliknya, rakyat perlu berfikiran positif dan memberi perhatian serta kerjasama terhadap agenda kerajaan bagi menjayakan transformasi yang mampu meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat. Rasanya kita mempunyai banyak ruang untuk membantu rakyat dalam menghadapi krisis harga barangan yang melambung sementara kenaikan dalam pendapatan terlalu perlahan atau dalam keadaan statik. Kos sara hidup berlipat kali ganda sudah ditangani kerajaan untuk sekian lama melalui subsidi. Bantuan ini mempunyai dua komponen masalah. Pertama pemberian sama rata menguntungkan semua orang termasuk pihak yang tidak memerlukan. Orang berpendapatan tinggi, pendatang atau orang luar turut mendapat manfaat. Masalah kedua ialah tahap kesedaran rakyat, mereka tidak memahami banyak wang terpaksa dibelanjakan kerajaan bagi tujuan berkenaan untuk menstabilkan harga. Ia sebenarnya wang rakyat yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan prasarana lain. Sebab itu kita jarang mendengar orang berterima kasih kepada kerajaan kerana mereka berasakan subsidi tanggungjawab yang mesti dilaksanakan sesiapa yang memerintah.

Dalam menangani masalah peningkatan kos hidup, kenaikan harga barang antara perkara yang perlu ditangani. Pada musim perayaan, kita lihat banyak pemantauan dilakukan pihak berkuasa bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga. Namun, selepas itu ia kembali seperti biasa dan pengawasan semakin longgar, bagaikan acara bermusim. Biasanya pihak pembekal memainkan peranan penting dalam menentukan turun naik barangan, langkah kerajaan memperkenalkan kedai 1Malaysia yang menawarkan harga murah dilihat berkesan untuk membantu rakyat daripada dibebani peningkatan kos. Kedai 1Malaysia bukan saja patut dikembangkan ke seluruh negara, malah perlu dipertingkatkan lagi dengan perkongsian bijak dengan agensi lain. Kebanyakan barang diperoleh pengguna akhir dengan harga melebihi 400 peratus daripada harga di tempat pengeluaran (ladang atau kilang) dan barang itu tidak mencukupi di pasaran. Cuba kita lihat apa yang berlaku kepada pekerja kilang dan petani, mereka mendapat upah dan pendapatan kecil. Petani menjual produk hasil dengan murah dan dalam banyak keadaan banyak lebihan pengeluaran mereka yang tidak dapat diserap ke dalam pasaran. Ini adalah sesuatu yang aneh dan kita percaya kementerian berkaitan berusaha mengatasi masalah ini. Sudah pasti ketika rakyat berdepan peningkatan kos hidup, mereka meletakkan harapan untuk melihat pengumuman Bajet 2012 lebih mesra rakyat daripada kerajaan bakal dibentangkan bulan depan.



Tahun lalu kerajaan memperuntukkan RM212 bilion untuk Bajet 2011, iaitu 2.8 peratus lebih tinggi berbanding Bajet 2010. Daripada jumlah itu, RM162.8 bilion bagi untuk perbelanjaan operasi dan RM49.2 bilion untuk pembangunan. Seperti dijanjikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bajet kali ini bersifat inklusif, mesra rakyat dan diharap lebih banyak khabar gembira diumumkan kerajaan.

\* Penulis ialah Pengerusi Biro Ekonomi dan Pembangunan Usahawan (BePU), Pemuda UMNO merangkap Pengerusi Perdasama Muda Malaysia



Rabu, 28 September, 2011

## **2,000 kontraktor Melayu kelas F kurang aktif**

SEREMBAN: Kegagalan mendapat projek adalah antara punca utama menyebabkan lebih 50 peratus daripada 2,000 kontraktor Melayu yang berdaftar dalam kelas F di negeri ini semakin tidak aktif. Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Negeri Sembilan, Datuk Baharuddin Sariman, berkata hanya kira-kira 1,000 masih aktif menjalankan perniagaan, manakala baki memberikan perkhidmatan secara sambilan. Katanya, ini berikutan projek yang semakin berkurangan menyebabkan peluang menjalankan perniagaan turut merosot. "Bagaimanapun, setakat ini, tiada laporan ada kontraktor kelas F di negeri ini yang terpaksa gulung tikar akibat masalah ini. "Namun, saya menggalakkan kontraktor berkenaan supaya aktif semula turun padang mencari projek, tidak kira sama ada milik kerajaan atau swasta dan jangan hanya duduk menunggu projek bergolek datang depan mata," katanya. Beliau berkata demikian kepada Berita Harian pada majlis rumah terbuka Aidilfitri PKMM di Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini, semalam. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Baharuddin berkata, PKMM juga menyambut baik keputusan membuka semula pendaftaran lesen kontraktor kelas F yang dibekukan sebelum ini. Baru-baru ini, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor, mengumumkan pendaftaran lesen kontraktor kelas F yang dibekukan sejak Mac 2005, dibuka semula bagi memberi peluang generasi muda yang berkeelayakan dan berpengetahuan teknikal menceburi industri pembinaan negara. Permohonan baru lesen kelas itu yang diluluskan Kabinet akan dilakukan secara terkawal, termasuk menetapkan syarat lebih ketat kepada kontraktor baru. "Walaupun ini akan menyebabkan pertambahan kontraktor kelas F yang kini seramai 28,982 orang, keputusan ini memberi peluang kepada golongan muda yang berkeelayakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kontraktor kelas F," katanya. Beliau berkata, ramai golongan muda menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan pengetahuan dalam bidang ini amat berguna dalam bidang pembinaan.



Jumaat, 30 September, 2011

## **Ekonomi Melayu diperkasa (HL)**

SERDANG: Datuk Seri Najib Razak malam tadi melancarkan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu (MTEM) gabungan 63 badan bukan kerajaan (NGO) ekonomi Melayu dalam usaha memartabatkan ekonomi orang Melayu pada abad 21. Majlis pelancaran gabungan NGO Melayu yang pertama seumpamanya disaksikan kira-kira 13,000 ahli NGO berkenaan di Dewan Utama Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) dan turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Pengerusi MTEM, Syed Ali Alattas.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menegaskan, sudah sampai masanya NGO Melayu bertindak dengan lebih bersungguh-sungguh dan berkesan supaya tuntutan mereka dapat diketengahkan dengan lebih baik. Katanya, NGO Melayu tidak boleh bergantung kepada kerajaan tetapi sebagai individu dan NGO, mereka perlu bangkit menjadi barisan hadapan untuk menuntut perubahan. "Saya mahu Melayu abad ke-21 bekerjasama dengan kerajaan kerana masa depan orang Melayu berkait rapat dengan untung nasib kerajaan hari ini. Jika ingin bergantung harap orang Melayu boleh bergantung dengan kerajaan yang ada pada hari ini.

"Dalam kita memastikan kejayaan orang Melayu kita tidak boleh mengambil hak kaum lain tetapi orang Melayu perlu menggunakan kuasa politik daripada kerajaan sedia ada. "Sebagai contoh apabila kerajaan memutuskan Projek Sistem Pengangkutan Pantas (MRT) Lembah Klang, kita putuskan 43 peratus daripada projek ini kita berikan kepada usahawan Melayu dan Bumiputera," katanya. Perdana Menteri berkata, Melayu abad ke-21 tidak perlu terus selamanya berselindung di sebalik kerajaan tetapi perlu ada keyakinan dan keberanian untuk berjaya. "Jika ingin jadi bangsa bermaruah, disegani dan dihormati, mereka (Melayu) tidak boleh berselindung di balik perlindungan kerajaan tetapi perlu ada keberanian, keyakinan diri dan keupayaan yang lebih. "Ini adalah ciri Melayu abad ke-21 yang berjaya kerana ilmu, kemampuan dan minda yang lebih," katanya. Sementara itu, Syed Ali berkata, MTEM bukan hanya menjadi badan pemantau dan pengimbang malah akan menjadi badan yang lebih konstruktif sebagai rakan dalam pembangunan negara. Katanya, MTEM mampu memberi kesan yang mendalam kepada ekonomi masyarakat Melayu sekali gus menyelesaikan masalah pelebaran jurang ekonomi yang semakin ketara hari ini.



Jumaat, 30 September, 2011

#### **RM4.5j bina jejantas**

KOTA TINGGI: Kementerian Kerjaraya memperuntukkan RM4.5 juta bagi membina Lintasan Pejalan Kaki Searas 1Malaysia membabitkan 30 lokasi seluruh negara yang dijangka siap sepenuhnya menjelang pertengahan November ini. Menteriinya, Datuk Shaziman Abu Mansor, berkata inisiatif memperkenalkan usaha itu bagi meningkatkan aspek keselamatan pelajar di jalan raya kawasan sekolah pada kos optima. "Program ini dilaksanakan untuk meningkatkan tahap keselamatan pelajar yang terdedah kepada risiko bahaya ketika melintas jalan terutama di depan pintu masuk sekolah, lebih-lebih lagi ketika waktu puncak. "Program ini menjadi alternatif menggantikan jejantas biasa yang menelan kos kira-kira RM700,000 hingga RM1 juta setiap satu, manakala lintasan ini pula hanya menelan kos rendah iaitu RM150,000 di setiap lokasi," katanya selepas merasmikan Lintasan Pejalan Kaki Searas 1Malaysia yang pertama di Sekolah Kebangsaan (SK) Mawai, dekat sini, semalam. Shaziman berkata, pemilihan SK Mawai sebagai lokasi pertama membina lintasan itu disebabkan sekolah terbabit dilaporkan mempunyai kadar bilangan trafik yang tinggi.